# Lega ramalan tak berlaku

**Kuala Selangor:** Penduduk yang terjejas akibat banjir di daerah ini menarik nafas lega apabila ramalan gelombang kedua air pasang besar yang dijangka malam kelmarin dan semalam tidak berlaku.

Fenomena berkenaan diramalkan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dengan ketinggian ombak boleh mencecah setinggi lima meter di kawasan perairan Selangor ekoran luruan angin Monsun Timur Laut.

Pegawai Daerah Kuala Selangor merangkap Pengerusi Bencana Daerah Shamsul Shahril Badlisza Mohd Noor berkata, pihaknya bersyukur kerana tidak berlaku fenomena air pasang besar seperti diramalkan.

"Mungkin fenomena itu tidak berlaku di sini, tetapi di kawasan lain, namun kita masih belum mendapat sebarang maklumat dan masih dalam keadaan berjaga-jaga.

"Semalam (kelmarin) terdapat penambahan jumlah penduduk dan satu lagi pusat pemindahan di Kampung Asahan, Bestari Jaya terpaksa dibuka untuk menempatkan mangsa selepas kawasan berkenaan dinaiki air.

"Penambahan mangsa bagaimanapun tiada kaitan dengan fenomena air pasang besar, tetapi kerana berlakunya limpahan air sungai Selangor ke kawasan rendah," katanya di sini, semalam.

Shamsul berkata, jumlah itu menjadikan seramai 601 penduduk membabitkan 128 keluarga berada di tujuh pusat pemindahan banjir di daerah ini sehingga jam 4 petang semalam.

Katanya, Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang masih mencatatkan jumlah mangsa banjir tertinggi yang mempunyai 388 orang daripada 72 keluarga.

Menurutnya, baki mangsa ditempatkan di pusat pemindahan di Masjid Simpang 3 Jeram, Balai Raya Kampung Bukit Cherakah, Balai Raya Kampung Bukit Kuching, Balai Raya Kampung Bukit Hijau dan Surau Ladang Tuan Mee.

> **"Semalam terdapat penambahan jumlah penduduk dan satu lagi pusat pemindahan di Kampung Asahan dibuka"**
>
> ***Shamsul Shahril Badlisza***